

PELUASAN PENGGUNAAN PILIHAN BAHASA DALAM WACANA FORMAL PENGALAMAN MASYARAKAT MALAYSIA

Rodolfo Jacobson
Diterjemahkan oleh
Mashitah Taharin

Abstrak

Pemerhatian yang dijalankan baru-baru ini dalam mesyuarat rasmi di Malaysia memaparkan bahawa, di samping pertuturan ekabahasa dalam bahasa Melayu, kepelbagaian wacana dwibahasa Melayu–Inggeris dapat dikenal pasti sebagai satu pilihan yang dianggap sesuai bagi pertembungan linguistik bagi sesetengah keadaan. Sesetengah penyelidik Malaysia menggelar percakapan tersebut sebagai *Holey English* apabila bahasa Inggeris yang digunakan mengandungi lompong yang diselitkan dengan perkataan Melayu, frasa, malah sebaris ayat. Sesetengah orang menggelarnya bahasa rojak apabila bahasa Melayu diselitkan dengan bahasa Inggeris dalam pelbagai bentuk. Di samping itu, kepelbagaian bahasa Inggeris yang digunakan menunjukkan unsur kenatifan, justeru menunjukkan kehadiran beberapa bentuk mesolek. Sementara kewujudan bahasa campuran merupakan satu fenomena yang biasa dalam pertuturan tidak formal di merata dunia, dan adalah luar biasa untuk berlaku dalam situasi formal. Pengalihan kod lebih baik dilihat sebagai satu kesinambungan yang merupakan lanjutan daripada kelompok ayat. Makalah ini melaporkan hasil projek penyelidikan terhadap pertuturan yang beralih kod dalam latar formal di Malaysia.

Abstract

Recent observations at formal meetings in Malaysia seem to suggest that in addition to the monolingual speech in bahasa Melayu, a bilingual variety of Malay-English discourse can be identified as an option considered appropriate for linguistic intercourse in some situa-

tions. Some Malaysian researchers have referred facetiously to such speech as Holey English when the English language used contains a series of holes that are filled with Malay words, phrases or even entire sentences. Others have labeled it bahasa rojak (broken language) when the Malay language exhibits English insertions of various kinds. In addition, the English variety used shows signs of nativization, hereby pointing to the presence of a number of mesolectal features. Whereas the occurrence of mixed language is a common phenomenon in formal speech all over the world, it is unusual to occur in formal situations. Code alternation is best viewed as a continuum that stretches from the occurrence of loan words to the insertion of entire sentence blocks. This article reports on a recent project on codeswitched speech in formal settings in Malaysia.

PENDAHULUAN

Makalah ini membincangkan kajian yang bertujuan untuk melihat amalan pengalihan kod di Malaysia dengan sokongan dan biayaan Dewan Bahasa dan Pustaka, dan hasil kajiannya dimuatkan dalam manuskrip yang belum diterbitkan lagi yang berjudul “The Broadening Spectrum of a Malaysian Experience: From Codemixing to Codeswitching.” (“Spektrum Peluasan Pengalaman Masyarakat Malaysia: Daripada Percampuran Kod kepada Pengalihan Kod”). Seseengah ciri yang dikenal pasti di sini wajar dilaporkan kerana menggambarkan pengalihan kod di Malaysia sebagai satu teknik percampuran bahasa yang unik, agak berbeza daripada pola penggunaan bahasa yang sama di tempat-tempat lain. Beberapa ciri yang unik tersebut adalah seperti yang berikut:

1. Wacana beralih bahasa – sama ada bahasa Melayunya atau bahasa Inggerisnya berfungsi sebagai bahasa matriks – tidak terbatas kepada medium komunikasi tidak formal dan berlaku lebih kerap, dalam beberapa siri latar formal.
2. Latar formal; seperti mesyuarat jabatan atau mesyuarat fakulti di beberapa universiti terpilih, mesyuarat korporat, perbicaraan di Mahkamah Tinggi yang dicirikan oleh kehadiran bersama bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, walaupun pola percampuran bahasa mungkin berbeza bergantung pada pelbagai faktor.
3. Cara yang dikatakan berlanjutan daripada penyisipan satu-satu perkataan kepada gabungan keseluruhan kelompok bahasa lain (petikan yang

panjang), bagi kedua-dua pengalihan kod intraayat dan antra ayat yang berlaku dalam situasi formal.

4. Kebolehlaksanaan pengalihan bahasa dalam perbincangan rasmi menggambarkan sikap para individu yang terlibat seperti pengerusi mesyuarat, kakitangan pejabat dan pihak atasan yang dipatuhi oleh mereka, begitu juga dengan tajuk perbincangan dalam sesuatu mesyuarat.

Makalah ini bertujuan untuk menghuraikan ciri-ciri ini dan menunjukkan bahawa pengalihan kod tidak semestinya satu perlakuan bahasa yang terbatas kepada komunikasi antara ahli keluarga, sahabat, dan rakan sebaya.

KESINAMBUNGAN PENGALIHAN KOD

Saya telah merumuskan (laporan DBP, belum diterbitkan) bahawa keseluruhan proses pancangan boleh dianggap sebagai satu kesinambungan yang berlanjutan daripada penggunaan kata pinjaman di hujungnya kepada penggabungan keseluruhan kelompok ayat (pilihan bahasa) di satu pihak dengan beberapa jenis gaya pengalihan kod di pertengahannya. Proses ini bukanlah satu konsep baru, malahan telah dijelaskan oleh Grosjen (1992) dan Musyken (1995), – hanya kesinambungan di sini dilihat dari segi kaitannya dengan proses pancangan. Berikut diterangkan bagaimana proses pancangan bermula daripada berakhirnya proses peminjaman dan akhirnya bertukar menjadi pilihan bahasa:

Pinjaman	Pengalihan kod intraayat	Pengalihan kod antara ayat	Pilihan bahasa
Kata pinjaman	⇒ Pancangan leksikal/ frasa/klausa	⇒ klausa/ ayat pancangan	⇒ pelbagai kelompok ayat

Kesinambungan Penyisipan Bahasa Lain

Kata pinjaman boleh disesuaikan secara fonologi, secara penggabungan morfologi atau mengekalkan bentuk yang sama dengan bentuk asal (dalam bahasa asing). Perkataan Melayu *kopi* yang dipinjam daripada bahasa Inggeris *coffee* disesuaikan secara fonologi, sementara *mendefinisikan* dalam bahasa Melayu yang disesuaikan daripada bahasa Inggeris *to define* adalah secara penggabungan morfologi. Perkataan *kategori* yang dipinjam daripada bahasa Inggeris *category* tidak menunjukkan sama ada penyesuaian atau

penggabungan. Kata pinjaman seperti ini tidak menjadi topik perbincangan, tetapi menggambarkan titik permulaan kesinambungan tersebut.

Pancangan unit leksikal tunggallah (perkataan) yang menunjukkan fasa awal proses pengalihan kod. Nyatalah sesetengah unit leksikal tunggal cenderung menyembunyikan status sebenarnya, iaitu seseorang tidak boleh menentukan sama ada mereka meminjam kata asing atau beralih kod. Status sebenar mereka hanya dapat ditentukan apabila kita mengandaikan masukannya ke dalam leksikon mental, iaitu pada tahap *lemma*. Sebagai contoh, sekiranya *rice* muncul dalam konteks orang Melayu, maka *rice* kata pinjaman apabila merujuk kepada (beras) bijirannya dalam sebarang bentuk (bijirin yang belum dimasak atau bahan makanan yang dimasak); tetapi *rice* merupakan pengalihan kod sekiranya merujuk kepada beras yang sudah dimasak. Kesukaran dalam usaha mengesan kata pinjaman dan pengalihan kod mendorong sarjana supaya tidak memberi penekanan kepada kepentingan pengalihan kod dan hanya merujuk kepada kehadiran perkataan daripada bahasa lain sebagai pengalihan kod penyisipan (Backus dalam Jacobson, 2001).

Pancangan satu unit leksikal, frasa, dan beberapa klausa adalah tergolong dalam kategori pengalihan kod intraayat yang lebih luas (dalam ayat). Walau bagaimanapun, pancangan dalam kategori ini memerlukan pemahaman yang jelas tentang apa itu – pertuturan yang gramatis-perkataan, frasa, klausa. Apabila seorang penutur kurang kefahaman nahu, kemungkinan dia akan memilih untuk menggabungkan elemen satu bahasa dengan satu bahasa yang lain, iaitu pola penggunaan bahasa yang selalunya disebut bahasa campuran. Sesetengah klausa, terutamanya klausa bebas mewakili ayat penuh, sehinggalah kita akan menganggap kedua-duanya klausa tertentu dan ayat yang hadir sendirian. Sebagai contoh pengalihan kod antara ayat. Kajian terhadap kategori ini telah diabaikan selama dua dekad yang lalu apabila semua penekanan diberikan pada pengalihan perkataan dan morfem yang lebih kecil daripada perkataan, ciri-ciri kebanyakan bahasa Afrika dan bahasa di rantau Pasifik. Penelitian kembali terhadap pengalihan kod intraayat dalam korpus kajian bahasa Melayu merupakan sesuatu yang dialu-alukan dalam fenomena kajian pengalihan kod. Apabila terdapat banyak ayat dalam bahasa asing yang membentuk pelbagai kelompok ayat, seperti yang berlaku dalam beberapa kes perbicaraan di mahkamah Malaysia, apabila peguam bela dan hakim merujuk kepada sumber bahasa Inggeris tanpa memberikan terjemahan, kita boleh katakan bahawa pola tersebut merupakan pilihan bahasa dan bukannya pengalihan kod. Nyatalah, seorang pegawai mahkamah atau peguam bela dalam sesuatu perbicaraan memilih untuk berbahasa Inggeris sebagai alat komunikasi yang lebih sesuai, sekiranya dia percaya bahawa tindakannya

itu dapat mengelakkan kemungkinan berlakunya kelemahan pendapat yang diterjemahkan.

Ringkasnya, jelaslah bahawa terdapat pengalihan daripada penyisipan satu-satu perkataan, apabila mereka beralih kod, kepada pancangan beberapa unit nahu atau percantuman dua bahasa dan kepada penggabungan kelompok ayat. Hal ini menunjukkan hubungan kait yang rapat antara beberapa amalan pengalihan kod. Dalam kata lain, kesinambungan yang dikemukakan menunjukkan hubungan rapat antara gaya pengalihan kod yang berlainan. Perbincangan lebih lanjut tentang gaya ini bertujuan untuk menjelaskan ciri sebenar setiap gaya dengan lebih lanjut.

BEBERAPA PANDANGAN TENTANG OBJEKTIF KAJIAN PENGALIHAN KOD

Seseorang boleh memikirkan dua aliran utama dalam kajian pengalihan kod, satu dengan psikolinguistik dan satu lagi dengan kriteria teori linguistik. Yang awal didokumentasikan oleh sarjana seperti Giles, Taylor, Bourhis, Johnson, dan Sachdev dan selalunya dikenali sebagai teori pertembungan bahasa atau akomodasi komunikasi (Giles dan Johnson, 1981; Giles dan Coupland, 1991). Maya K. David yang mengasaskan kajiannya "Trading in an Intercultural Context (1999:1)" dalam usaha membincangkan pendekatannya menjelaskan bahawa:

Pertembungan bahasa merujuk kepada penutur menjadi semakin sama dengan pendengarnya dari segi bahasa(-bahasa) yang digunakannya, sementara penyimpangan bahasa merujuk kepada antarpnutur mengekalkan bahasa masing-masing [tanpa mengira bahasa atau bahasa-bahasa yang digunakan oleh pendengar(-pendengar), penulis].

Beliau selanjutnya mengulas teori akomodasi komunikasi yang diasaskan oleh Giles dan Johnson (1981), dan Sachdev dan Bourhis (1990) yang didebatkan oleh mereka, bahawa:

Dalam latar multilingual, bahasa boleh menjadi salah satu dimensi yang paling penting kepada jati diri kumpulan dan ia boleh digunakan untuk mengurangkan, mewujudkan atau mengekalkan sempadan antarkumpulan. Malahan, , penyimpangan merupakan salah satu fungsi bagi penutur untuk kelainan imej diri, untuk memisahkan daripada antarpnutur dan untuk menjelaskan syarat-syarat pertembungan antarkumpulan. Pilihan bahasa mempunyai banyak

implikasi kerana memberi konotasi dan melambangkan kekuatan dalam kumpulan atau boleh digunakan sebagai strategi pemisah dan/atau untuk melambangkan status dan kuasa.

Penekanan ke atas antarpemuter dan sikap bahasa mereka di sini menunjukkan teori tersebut sebagai psikolinguistik.

Aliran teori linguistik kajian pengalihan kod yang diberi keutamaan dalam kajian ini diwakili oleh ahli linguistik seperti Poplack, Myers-Scotton, Jake, dan lain-lain. Dalam tempoh dua dekad yang lalu, mereka terutamanya Myers-Scotton telah mendahului kajian lanjut tentang model yang memaparkan bagaimana mereka menjalankan penyelidikan. Beberapa buah bukunya yang diterbitkan membicarakan model kerangka bahasa matriks, yang telah digunakan oleh kebanyakan penyelidik yang berorientasikan linguistik dalam kajian tentang pengalihan kod ini. Dua pertentangan utama perbincangannya terhadap *bahasa matriks lawan bahasa pancangan* dan *isi lawan sistem morfem* menunjukkan bagaimana penekanannya bukanlah terhadap soal sikap pemuter tetapi terhadap ciri-ciri linguistik wacana bercampur. Perbezaan yang dibuat antara pengalihan kod klasik dengan pengalihan kod (sebenar), antara *kelompok bahasa pancangan* dengan *bentuk asal*, antara *sistem turutan prinsip* dengan *prinsip turutan morfem* kesemuanya menunjuk ke arah aliran yang diambil oleh Myers-Scotton – secara linguistik – dengan yang membentuk pengalihan kod dan bagaimana proses itu boleh dihuraikan dengan jelas, bahawa bukan sahaja dari segi bahasa tertentu tetapi juga dengan cara pernyataan sah yang umum. Terdapat lagi dua pendapat yang perlu diberi perhatian, *projection of complementizer* (CP), bukannya ayat, sebagai asas analisisnya dan pemecahan sistem morfem kepada empat subkategori yang berbeza; *sistem morfem awal*, *sistem morfem akhir*, *penghubung*, dan *sistem morfem akhir. orang asing*. Tidak satu pun kategori atau subkategori tersebut yang merujuk kepada pemuter, atau sikap bahasanya tetapi hanya merujuk kepada hasil percampuran bahasa yang diselidik. Makalah ini bukanlah bertujuan untuk memperincikan pendekatan Myers-Scotton tetapi komen awal sepatutnya mencukupi untuk mengenal pasti model penyelidikannya sebagai satu pendekatan langsung linguistik, agak berbeza daripada fokus psikolinguistik yang dilakukan oleh Giles dan rakan-rakannya.

Saya telah menggunakan pendekatan sendiri dengan menerapkan kebanyakan konsep yang dikemukakan oleh Giles atau Myers-Scotton tetapi saya tidak dapat mengenal pastinya. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa ada cara ketiga untuk mengkaji pengalihan kod, iaitu bukan berasaskan

bagaimana seorang ahli bahasa boleh menganalisis elemen yang terkandung pada pengalihan kod, tetapi berdasarkan bagaimana penyelidik boleh menerangkan perlakuan bahasa dalam latar sosiobudaya yang diberikan. Sekiranya pendekatan Giles didefinisikan sebagai usaha psikolinguistik dan usaha Myers-Scotton sebagai percubaan sosiolinguistik, maka pendekatan yang saya gunakan layak dikatakan mempunyai matlamat sosiolinguistik yang peranan utamanya dimainkan oleh penglibatan sosial. Lebih daripada menjadi satu analisis pengalihan kod sebagai unit linguistik atau satu alat perhubungan antara perorangan, malah analisis tersebut merupakan penghuraian pola penggunaan bahasa dalam sesebuah masyarakat. Inilah matlamat projek yang dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, untuk menerangkan teknik pengalihan kod dalam latar tertentu dan untuk memahami gaya pengalihan kod yang bergantung pada pelbagai faktor. Timbul situasi ketika ahli sosiolinguistik mesti menjalankannya secara sosiolinguistik atau malah secara psikolinguistik, supaya analisis itu bukannya satu situasi tetapi salah satu penekanan. Penghuraian hal percampuran bahasa dalam sesebuah negara mempunyai implikasi politik kerana memberi ruang untuk menentukan apakah perlakuan bahasa yang paling sesuai yang mungkin berlaku. Negara yang mempunyai agensi perancangan bahasa seperti Malaysia terlebih dahulu meninjau situasi bahasa yang sebenarnya digunakan sebelum menetapkan pelaksanaan bentuk yang manakah yang tidak digalakkan dan bentuk yang manakah yang harus digalakkan.

Dengan demikian, saya ingin mengiktiraf tiga aliran yang bertujuan untuk menyelidik pengalihan kod; pertama, dengan mengambil kira objektif psikolinguistik seperti yang dikemukakan oleh Giles dan rakan-rakannya, kedua, dengan mengambil kira matlamat linguistik seperti yang dilaksanakan oleh Myers-Scotton dan rakan-rakannya, dan ketiga, seperti yang saya kemukakan yang bercadang untuk menjelaskan pelbagai gaya pengalihan kod secara objektif apabila dikaitkan dengan individu, organisasi, dan entiti sosial yang lain dalam sesebuah negara. Justeru, saya akan terus menjelaskan projek yang dibiayai oleh kerajaan Malaysia ini dengan lebih lanjut.

PROJEK DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab dalam semua hal berhubung dengan pelaksanaan, pertumbuhan dan pengembangan bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia, nama yang digunakan yang sama ada untuk menekankan

akar bahasa etnik ataupun untuk tujuan penyatuan kaum. Tanggungjawab DBP termasuklah, tetapi tidaklah terhad kepada pengembangan istilah dalam bahasa Melayu- terutama dalam bidang sains, matematik, dan perundangan, penerbitan buku teks dalam bahasa Melayu untuk sekolah rendah dan menengah, penerbitan majalah bahasa Melayu dan jurnal, penyusunan kata masukan dan pemasukannya dalam *Kamus Ekabahasa* (bahasa Melayu) dan *Kamus Dwibahasa* (Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris /Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu), dan juga pemilihan, penyuntingan, dan pencetakan karya kesusasteraan Melayu. Oleh itu, tugas DBP lebih luas jika dibandingkan dengan akademi bahasa seperti *Académie de la langue française*, *Academia de la lengua española*, *Academia de la lingua italiana* dan institusi lain sepertinya. Saya berurusan dengan DBP sejak hampir 10 tahun yang lalu dengan memberi ceramah kepada kakitangannya dalam beberapa siri ceramah dan menyumbangkan kajian penyelidikan untuk penerbitan jurnal *Dewan Bahasa*.

Saya telah mengemukakan kertas cadangan kepada DBP untuk menyelidik dan menjelaskan amalan pengalihan kod Melayu-Inggeris yang dipercayainya – dan masih mempercayai – bahawa kesedaran dan pengetahuan tentang perlakuan berbahasa seperti ini akan membantu agensi tersebut dalam usaha mengekalkan sikap sihat terhadap apa yang tidak digalakkan dan apa yang digalakkan dalam suasana komunikasi tempatan. Dalam kertas cadangan, saya menyatakan hasrat untuk menjalankan kajian di Malaysia.

Penyelidikan ke atas pengalihan kod Melayu-Inggeris seperti yang berlaku dalam beberapa bidang profesional, seperti kajian bahasa, pendidikan sains, perundangan, perniagaan dan menganalisis amalan peralihan kod berdasarkan tiga teknik (a) pendominasian bahasa Melayu dengan penyisipan bahasa Inggeris, (b) pendominasian bahasa Inggeris dengan penyisipan bahasa Melayu dan (c) pelaksanaan seimbang antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris tanpa sebarang pendominasian. Seterusnya, (penulis) akan cuba untuk menilai teknik yang manakah, jika ada akan menjadi lebih sesuai untuk Malaysia, dengan mengambil kira bahawa tiada kehadiran bahasa lain yang boleh menggugat status bahasa Malaysia. Dengan perkataan lain, (penulis) bercadang untuk menjalankan kajiannya yang tidak sahaja deskriptif dari segi perlakuan bahasa tetapi juga baik dari sudut sosiopolitik.

Cadangan untuk menjalankan penyelidikan ini akhirnya diluluskan dan saya telah dianugerahkan Tabung Derma Cipta Dewan untuk tahun 2001.

Selama empat bulan (Februari-Mei) saya tumpukan kepada pengumpulan data dan penyediaan manuskrip.

Pengumpulan data daripada beberapa institusi yang meliputi seluruh Malaysia menemui pelbagai kesukaran kerana masa yang diperlukan untuk menjalin hubungan. Kebenaran daripada beberapa institusi dari kawasan di luar Kuala Lumpur seperti Pulau Pinang serta Sabah dan Sarawak hanya diperoleh ketika kontrak saya hampir tamat dan kajian ke kawasan tersebut tidak dapat dijalankan. Dalam kata lain, kajian ini hanya berdasarkan data dari kawasan Kuala Lumpur dan kawasan berhampiran (Serdang dan Bangi) dan data yang diperoleh dari negeri Kedah (Sintok) yang berhampiran dengan sempadan Malaysia-Thai. Keterbatasan data menjadikan agak sukar untuk didebatkan bahawa apa-apa yang dijelaskan dalam kajian ini sebenar-benarnya mewakili seluruh negara. Kajian lanjut seterusnya akan dapat menentukan bahawa sama ada dapatan kajian ini menggambarkan amalan di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, gambaran awal daripada yang ditemui di kawasan yang belum diliputi nampaknya menunjukkan bahawa amalan pengalihan kod bahasa Melayu-bahasa Inggeris hampir sama dengan kawasan yang hendak diterokai.

LATAR DAN DOMAIN

Terlebih dahulu, eloklah dibuat perbezaan antara latar formal dengan latar tidak formal. Latar tidak formal selalunya berlaku dalam kalangan ahli keluarga, kawan rapat, dan rakan sebaya ketika mereka berbual-bual tentang perkara remeh. Kejadian tidak formal tersebut menjadikan mereka cenderung beralih kod antara penuturnya dwibahasa. Kajian kepustakaan menunjukkan bukti yang cukup tentang amalan sedemikian yang telah dikenal pasti di seluruh dunia, iaitu:

1. I lose my temper *porque a mí me da mucho coraje*. (Central Texas, USA, Jacobson data base)
because it makes me so mad
2. On va avoir une dépression là que *we'll be rationed if we don't all die*. (Canada, Poplack data)
One will have a depression there that base)
3. Enfin écoute, à vous dire, le journal, *üsse wenne de jetzt hesch de Express, de Point, odder so Well*, you know, to be honest, newspapers, UNLESS YOU HAVE THE EXPRESS, THE POINT, OR *dings eso hesch, gell*. (Alsace, France, Gardner-Chloros data base)

SOMETHING LIKE THAT, YOU SEE.

4. Yo mañana empiezo...me levanto a las siete de la mañana. *J? suis malade rien que de le savoir.* I begin tomorrow...I get up at 7 in the morning. I?M SICK JUST THINKING OF IT. (Southern France, Dabène data base)
5. To ghari _ālā āni *enjoyed the ice-cream.*
He came home and (Pangkalan Data India, Pandharipande)

Walau bagaimanapun, pengalihan tidak formal ini tidaklah menjadi tumpuan kerana projek ini bertujuan untuk menumpukan pengalihan kod dalam suasana formal. Oleh itu, di sini saya mendefinisikan takrif latar formal bermaksud urusan antara golongan profesional yang menjalankan urusan mereka atau memperdebatkan pandangan mereka tanpa merujuk kepada sebarang rujukan tentang keluarga, kawan, rakan sebaya atau aspek peribadi dalam kehidupan mereka. Pengalihan kod dalam latar tersebut belum pernah didokumentasikan dalam kajian kepustakaan profesional sebagai pola penggunaan bahasa tipikal dalam kalangan bangsa yang mengamalkan pengalihan kod kecuali kajian sekarang dilakukan di beberapa kawasan yang penduduknya bertutur dalam bahasa Melayu (Malaysia dan Brunei). Oleh itu, projek DBP ini penting dalam usahanya untuk mendokumentasikan kewujudan bahasa campuran secara sistematik dalam domain formal yang berbeza.

Ketiga-tiga domain tersebut yang menjadi sasaran penyelidikan ialah mesyuarat rasmi di beberapa universiti di Malaysia, mesyuarat korporat di sebuah organisasi swasta dan perbicaraan di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur. Sungguhpun jelas bahawa kesemuanya bukanlah domain formal yang boleh dirakam, namun keterbatasan waktu dan sumber tidak mengizinkan saya untuk melanjutkan kajian. Kesimpulan ringkas tentang perkara-perkara terpilih ini dapat memberi gambaran tentang projek ini.

Universiti

Universiti Putra Malaysia di Serdang yang terletak berhampiran dengan Kuala Lumpur memberi kebenaran kepada saya untuk membuat rakaman tentang beberapa mesyuarat jabatan yang diadakan di Fakulti Bahasa Moden. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Ketua Jabatan dan ahlinya terdiri daripada pensyarah yang mempunyai kemahiran bahasa yang berbeza. Keadaan ini menjadikan mesyuarat tersebut sebagai tempat per-

tukaran pandangan profesional yang amat berharga.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga terletak berhampiran dengan Kuala Lumpur, juga memberi kebenaran kepada saya untuk membuat dua rakaman mesyuarat, satu mesyuarat di Jabatan Linguistik dan satu lagi di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Kajian terhadap dua mesyuarat yang berbeza agak menarik dari segi status hierarki dan untuk menilai kesan bahawa dalam kalangan pegawai kanan universiti, berlaku pengalihan kod dalam pertemuan profesional yang lebih formal. Universiti Utara Malaysia (UUM) terletak di Kedah, utara Semenanjung (berhampiran dengan sempadan Malaysia-negeri Thai) memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan rakaman terkini mengenai mesyuarat fakulti dengan beberapa pensyarah bahasa yang menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat jabatan yang kedua ini agak berbeza daripada mesyuarat yang sebelumnya (di UKM) kerana pihak atasan yang sama hierarkinya di UUM tidak menghalang malahan kelihatan menggalakkan percampuran kedua-dua bahasa.

Sektor Swasta

Awal-awal lagi kesemua permohonan untuk merakam mesyuarat sektor perniagaan telah ditolak. Jawapan yang sama bahawa perakaman mesyuarat oleh orang luar tidak dibenarkan pada dasarnya dan atas alasan inilah saya berpendapat bahawa tidaklah wajar bagi saya untuk menghubungi mana-mana pegawai syarikat lain. Saya menganggap keengganan itu sebagai satu langkah untuk mengelakkan orang luar daripada mengetahui dasar dalaman syarikat atau perancangan masa depan syarikat-satu langkah membanteras perisikan perdagangan atau perindustrian, dan bukan langkah membendung kajian tentang gaya penggunaan bahasa. Mujurlah saya kenal seseorang yang saudara kandungnya bekerja dengan sebuah syarikat swasta. Dialah yang membuka laluan untuk memperoleh data daripada sektor perniagaan. Satu jam mesyuarat korporat telah dirakam, kemudiannya ditranskripsikan. Saya dengan itu memperoleh maklumat yang memungkinkan saya menyelidik bagaimana rakan korporat beralih kod antara dua bahasa, dengan ini mewujudkan gaya penggunaan bahasa mereka yang tersendiri.

Latar Perundangan

Undang-undang Malaysia membenarkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam perbicaraan di mahkamah Malaysia. Malahan bahasa

Inggeris telah menjadi bahasa rasmi di mahkamah Malaysia sebelum kemerdekaan dan terus digunakan di mahkamah. Apatah lagi, perundangan Malaysia berdasarkan perundangan Inggeris dan rujukan kepada undang-undang tersebut adalah dalam bahasa Inggeris. Seperti di mana-mana mahkamah, rakaman tidak dibenarkan semasa perbicaraan dijalankan. Jadi agak sukar bagi saya untuk memperoleh data yang boleh menunjukkan kedua-dua bahasa dibenarkan dalam perbicaraan. Kesimpulan yang boleh saya buat adalah seperti yang berikut:

1. Jurnal undang-undang yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang diberi nama *Kanun* mengandungi beberapa keterangan tentang perbicaraan dan apabila diteliti, dapat memberi gambaran sejauh mana bahasa Melayu dan Inggeris dapat didengar di mahkamah. *Kanun* keluaran 1989 (tahun pertama jurnal ini diterbitkan) dan keluaran 1990 yang ditemui di Perpustakaan DBP dan keluaran yang terbaru (1997) telah dibeli, dan kesemua naskhah ini berguna untuk membuat carta gaya penggunaan bahasa di mahkamah Malaysia.
2. Perbicaraan di mahkamah terbuka kepada umum. Tinjauan ke Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah, Kuala Lumpur dibenarkan; jadi bolehlah disahkan dengan cara mengunjungi perbicaraan sebenar, bahawa apa yang ditemui dalam masukan jurnal tersebut memberi gambaran sebenar apa yang berlaku dalam mahkamah di Malaysia.

Kedua-dua set data memberikan maklumat sahih kepada saya tentang agihan bahasa dalam mahkamah tempatan. Tambahan pula, gaya yang dikenal pasti di sana menggambarkan masih terdapat satu lagi jenis pengalihan kod, yang lebih tepat dikatakan pilihan bahasa, kerana penyisipan bahasa lain yang terpancar bukannya perkataan, frasa, klausa atau satu-satu ayat tetapi pelbagai kelompok ayat.

Pilihan Peristiwa Lain

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, peristiwa yang dimasukkan dalam pangkalan data ini tidak mencukupi. Dengan tambahan masa dan sumber yang ada, dapatlah saya menjalankan satu lagi projek pada masa hadapan untuk meninjau amalan pengalihan kod di universiti lain, seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Unimas, Universiti Malaysia Sabah dan juga institusi pengajian seperti di Johor dan Kelantan. Bagi sektor perniagaan pula, bukan sahaja institusi swasta yang akan dikunjungi, tetapi

sektor perniagaan awam juga patut dikaji. Beberapa domain lain mungkin dapat membuktikan sesuatu yang berfaedah. Industri, agensi kerajaan, badan keagamaan, dan beberapa latar perundangan yang berlainan (peguam bela, pendakwa raya, hakim) dan beberapa mahkamah khusus mungkin dapat memberi jalan bagaimana bahasa Melayu dan bahasa Inggeris boleh saling wujud dalam sebuah negara yang menekankan kepercayaan budaya Asia Timur, bahasa Melayu dan tradisi Islam.

GAYA PERCAMPURAN

Penyisipan Leksikal

Tajuk yang dipilih ini menunjukkan bahawa seseorang tidak boleh menghadkan dirinya kepada isu sama ada berlaku pengalihan kod atau tidak, tetapi apakah jenis pengalihan yang menonjol dalam sesuatu perkara dan sama ada bahasa Melayu yang dominan dengan pancangan bahasa Inggeris atau sebaliknya. Walaupun berbagai-bagai gaya pengalihan kod mungkin berlaku dalam semua suasana, tetapi biasanya salah satu gaya yang dominan. Dalam mesyuarat Jabatan Linguistik di UKM, bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa matriks dan kegemaran untuk penyisipan bahasa Inggeris telah didokumentasikan dalam mesyuarat tersebut. Alasan bagi keutamaan ini boleh dikemukakan. Penyisipan sepatah perkataan Inggeris mungkin ditemui kurang kesat bagi penerimaan umum, bahawa bahasa Melayu sepatutnya menjadi alat komunikasi di universiti di Malaysia. Beberapa contoh penyisipan leksikal adalah seperti yang berikut:

1. Itu saya cakap, kita dapat *mileage* saja.
2. Itulah agaknya bayaran untuk *consolation*.
3. Itu masalahnya, *supervise* 10 dengan *supervise* 3.
4. Lain *game* mungkin banyak *centre* pula.
5. Dia *roughly* tiga bulan sekali.

Berlaku juga beberapa penyisipan frasa dan klausa tetapi agak jarang-jarang:

6. ... jadi ini boleh *save you money and time also*.
7. Yang *full time*, *I, m not talking about part timelah*.

Pilihan penyisipan leksikal tersebut pada keseluruhannya mencirikan mesyuarat tersebut, dengan ini menunjukkan bahawa berlaku persetujuan antara pengerusi dengan ahli mesyuarat yang hadir bahawa gaya percampuran ini menggalakkan pertukaran idea yang lebih berkesan dan mewujudkan

kan suasana pentadbiran yang boleh dilakukan dengan berkesan.

Penyisipan Frasa-Klausa

Mesyuarat jabatan yang dirakamkan di UPM menunjukkan gambaran yang agak berbeza. Pertama, bahasa Inggeris merupakan bahasa dominan dalam mesyuarat di Fakulti Bahasa Moden dan frasa serta klausa Melayu diselitkan dalam wacana Inggeris. Mungkin lebih banyak pancangan frasa Inggeris daripada klausa Inggeris tetapi pancangan klausa Inggeris tidak cukup untuk menunjukkan bahawa berlaku keutamaan pilihan pancangan frasa. Sebagai kakitangan Jabatan Bahasa Asing, mereka nampaknya lebih selesa dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa dominan, kerana bahasa ini mewujudkan suasana antarabangsa, pelbagai bahasa yang sejajar dengan sifat jabatan tersebut. Mengapa berlaku pilihan frasa dan klausa Melayu dalam proses pancangan merupakan persoalan yang sukar dijawab. Dalam segala hal, pengerusi dan kakitangan jabatan itu agak selesa dengan penyisipan struktur elemen yang lebih gramatis ini. Contoh-contoh pancangan tersebut ialah:

8. *Kita perlukan diagnosis test that is needed as soon as possible.*
9. *Nicelah, Bukit Tinggi, nice. Beautiful place.*
10. *But, in our meeting, in fact, there another meeting after this at 10 O'clock, tidak pula they mention about this.*
11. *I will clarify, kalau betul-betul.*
12. *Bolehlah* and also the opening will be by the Indonesian attaché

Yang jelas di sini ialah, apa pun jenis pancangan yang digunakan menunjukkan kelancaran berbahasa Melayu dan kelancaran yang ditunjukkan itulah sebagai faktor pendorong, yang membenarkan penggunaan bahasa selain bahasa Melayu dalam pertemuan formal.

Sesetengah penyisipan frasa-klausa juga berlaku dalam beberapa percakapan mahkamah, walaupun pancangan tersebut agak jarang-jarang berlaku dalam prosiding undang-undang.

13. *...and consequently the question of dismissal* dengan tidak diberi peluang yang munasabah untuk didengar *does not arise.*
14. Hanafiah bin Zakaria, SP2, menyatakan: *Generally accepted, it is the same. No difference.*

Satu-satunya penjelasan yang dapat diberi ialah bahawa hakim hendak menyebut komen terdahulu atau affidavit secara tepat seperti yang telah disampaikan sebelumnya ini, iaitu dalam bahasa Inggeris dan tidak menterjemahkannya sendiri ke dalam bahasa Melayu.

Penyisipan Ayat Frasa-Klausa

Amalan pengalihan kod dalam mesyuarat fakulti di Fakulti Bahasa Moden di UUM adalah yang paling versatil. Terdapat banyak pancangan frasa dan klausa jika dibandingkan dengan mesyuarat di UPM, anehnya, terdapat juga sejumlah ayat penuh, terutamanya dengan kehadiran dekan yang mem-pengerusikan mesyuarat tersebut. Dengan kata lain, kita bukan sahaja menemui percampuran antara ayat tetapi juga percampuran intraayat, dan meletakkan pelaksanaannya antara pilihan bahasa bercampur di UKM dan UPM di satu pihak, dengan pilihan bahasa di latar undang-undang di pihak lain. Sila perhatikan contoh-contoh yang berikut:

15. Jadi *passengers* kita adalah *client* kita, iaitu pelajar-pelajar kita (Leksikal)
16. ...tapi *just as a reminder* kita nak memantapkan kaedah pengurusan peringkat sekolah kita ... (Klausa)
17. Yang lagi satu perkaitan dengan kenyataan. *You put up notices on the notice board, make sure you put your signature and your cop, otherwise it's not going to be considered.* (Ayat)

Pengalihan antara unit struktural ini meliputi semua amalan dan menyokong semua hujah bahawa pengalihan kod berlaku kerana penutur kurang mahir dalam salah satu bahasa. Diperhatikan juga bahawa, sungguhpun ini merupakan mesyuarat Fakulti Bahasa-bahasa Asing, namun dijalankan dalam bahasa Melayu dan bukan bahasa Inggeris, sebagai bahasa dominan. Dalam hal ini, hujah bahawa kepelbagaian bahasa tidak berasas, sebaliknya lebih kepada soal kedwibahasaan seimbang, daripada pandangan pengerusi, itulah kepakaran bahasa yang diperlukan bagi pegawai bawahannya.

Pilihan Bahasa

Apabila kita bergerak ke penghujung kesinambungan, pelajar pengalihan kod menemui lebih banyak pengalihan kod intraayat seperti yang dapat dilihat dalam petikan daripada jurnal undang-undang, *Kanun*. Istilah pilihan bahasa yang menggambarkan amalan dalam kalangan hakim untuk menyelitkan petikan panjang di sini dirujuk sebagai kelompok ayat untuk memberi bukti verbatim tentang hujah yang telah disampaikan dalam bahasa Inggeris sebelum ini. Dengan mengelakkan penterjemahan petikan dalam percicaraan, penyunting jurnal – dan dengan jelas pegawai mahkamah yang bertugas juga – mengandaikan bahawa rakyat Malaysia agak fasih dalam kedua-dua bahasa dan tidak memerlukan terjemahan untuk petikan tersebut.

Walaupun kini bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa di mahkamah sejak beberapa tahun dahulu, namun tidak mudah untuk ditentukan daripada prosiding apa yang diujarkan dalam bahasa Melayu dan apa yang diujarkan dalam bahasa Inggeris. Di Mahkamah Tinggi, bahasa Inggeris lebih meluas digunakan. Mahkamah Rendah, pula menunjukkan kecenderungan menggunakan bahasa kebangsaan, terutamanya disebabkan pesalah jenayah jika mengetahui bahasa Inggeris sekalipun, mungkin mempunyai penguasaan yang rendah.

Untuk kembali kepada prosiding dalam *Kanun*, kita boleh melihat penyisipan bahasa Inggeris yang menarik kecuali apabila petikan daripada Perlembagaan Persekutuan atau daripada kajian undang-undang menyiarkannya dalam bahasa Melayu. Perhatikan contoh yang berikut:

18. Rujukan telah juga dibuat kepada petikan dalam *Rayden On Divorce* (Edisi ke-14), di muka surat 56 yang berbunyi: *The burden of proving that a domisil has been chosen in substitution for the domicil of origin is on the person who asserts that a domisil of choice has been acquired in place of the domisil of origin: the intention must be proved with perfect clearness. (William Tan Guan Hock lwn Khor Chai Heah & Khor A Cin.)*
19. Dalam kes kita ini, kata-kata yang dikatakan sebagai menyakitkan hati plaintiff itu ada dinyatakan dalam perenggan 3 ekshibit D5 yang berbunyi seperti yang berikut: *I am clarified in paragraph 3, exhibit D5 that reads as follows: surprised that a Chinese surveyor has charged \$ 1,450, whereas a Bumiputra asks for \$ 4,480 which is daylight robbery. (Ayob bin Saud lwn TS Sambanthamurthi.)*
20. Peruntukan yang terpakai dalam Loh Wai Lian ialah Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1970 (Peraturan 1970, Peraturan 12-1) yang memperuntukkan: *Every contract of sale shall be in writing and shall contain within its determines: terms and conditions provisions to the following effect, namely:...* Selanjutnya, ditetapkan dua puluh satu perkara yang perlu dimasukkan dalam kontrak jualan, yang perkara-perkara berikut adalah relevan kes ini;..

(Development Corporation Sdn. Bhd. lwn Azali bin Bakar)

Contoh di atas bukanlah pengalihan kod dalam pengertian yang sempit. Sebaliknya contoh tersebut merupakan penyisipan petikan daripada terjemahan bahasa Inggeris, yang disebut sebagai pilihan bahasa. Meman-

dangkan penyisipan ini melibatkan sekurang-kurangnya satu ayat, penyisipan tersebut bolehlah dianggap sebagai pengalihan antara ayat. Pengalihan intraayat dalam prosiding undang-undang, sebaliknya agak jarang-jarang berlaku dan telah pun dibincangkan. Kita boleh mengesan daripada cara sifat prosiding ini bahawa prosiding itu bukan prosiding jenayah tetapi prosiding am dan ini menguatkan apa yang saya saksikan ketika mengadakan lawatan dalam satu perbincangan di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. Hal ini membawa kita kepada satu kesinambungan yang dicadangkan, tetapi sekarang kita mesti menjejak kembali langkah kita untuk memungkinkan perbincangan mengenai pengalihan kod yang menjadi ciri mesyuarat perniagaan dan menunjukkan kenapa amalan percampuran bahasa ini tidak sama dengan apa yang telah dibincangkan sebelum ini.

Pengalihan Fokus-Mesej

Perakaman mesyuarat di syarikat perniagaan memberikan laluan kepada saya tentang amalan pengalihan kod dalam dunia perniagaan. Gaya yang berlaku dalam mesyuarat tersebut tidak selari dengan apa yang telah dikategorikan di atas. Boleh dikatakan pertuturan yang berlaku seolah-olah menunjukkan gabungan rambang kedua-dua bahasa seperti yang dilihat di bawah:

21. O.K. *soal untuk* coming NCB, so I think for some international work, some debris that we may want to do that world involvement on *kita punya sidelah*. (Matriks bahasa Inggeris.)
22. ...*tapi dalam* letter that was given *dulu itu*, there was no mention about the admin part...(Matriks bahasa Inggeris.)
23. O.K., I think, let she go to your floor, Amlu will *ambil bilik Ken* because will be on the same side of *itulah*. (Matriks bahasa Inggeris)
24. Kita ada *issue authorization letter to Al-Falah*. (Matriks bahasa Melayu.)
25. Kita pun dah *get the schedule*...*kalau you punya group...three year or four year..* (Matriks bahasa Melayu.)

Pertama, tidak ada ketekalan sama ada bahasa Inggeris atau bahasa Melayu yang bertindak sebagai bahasa matriks. Dalam contoh 21–23, bahasa Inggeris mendominasi bahasa Melayu; dalam contoh 24–25, bahasa Melayu mendominasi bahasa Inggeris. Kedua, *soal untuk* (21), *tapi dalam* (22), *ambil bilik Ken* (23), *issue authorization letter* (24) and *get the schedule* (25) tidak boleh dianggap satu unit struktural; iaitu contoh tersebut tidak satu pun item leksikal dan tidak juga berbentuk frasa penuh. Malahan,

dalam (23), (24), dan (25) elemen pertuturan ialah separuh Inggeris/separuh Melayu atau sebaliknya (*will + ambil*, *ada + issue[d]*, *dah + get*). Walau bagaimanapun, kehadiran contoh penggabungan tersebut tidak menafikan bahawa, kadang-kadang satu perkataan, frasa, dan klausa disisipkan. Perhatikan:

26. Dia orang buat *transfer*. (Matriks bahasa Melayu/penyisipan satu perkataan.)
27. Isha doing *apa ini*. (Matriks bahasa Inggeris/ penyisipan frasa nama.)
28. Your new office *kat mana nanti?* (Matriks bahasa Inggeris/penyisipan frasa preposisi.)
29. O.K., we just run through the minutes. I think *kita pun dah berzaman tak duduk serta* (Matriks bahasa Inggeris/klausa nama.)

Meskipun demikian, kekerapan ini berlaku agak rendah untuk dikatakan bahawa inilah ciri-ciri pertembungan seperti ini. Percampuran rambanglah yang meletakkan kemampuan bahasa daripada yang lain. Rakan perniagaan, tidak seperti pensyarah universiti dan pegawai undang-undang nampaknya tidak mengendahkan etika bahasa dan lebih memberi tumpuan kepada mesej/maksud yang hendak disampaikan. Asalkan antara penutur memahami maksudnya, mereka berpuas hati dengan hasilnya. Perkataan dari salah satu bahasa dipilih bergantung pada bahasa mana yang lebih mudah digunakan. Di samping itu, penggabungan tidak memerlukan nahu ketiga diwujudkan kerana tidak terdapat gaya yang jelas timbul apabila kedua-dua bahasa bercantum. Penggabungan merupakan pelaksanaan yang arbitrari yang lebih tepat dinamai bahasa pasar atau apa yang pengkritik Melayu menyifatkan pengalihan kod sebagai bahasa rojak.

BEBERAPA KESIMPULAN AKHIR TENTANG PENGALIHAN KOD DALAM LATAR FORMAL

Bias Pentadbiran

Pengalihan kod dalam latar formal nampaknya berbeza dari satu latar ke latar yang lain. Pengerusi mesyuarat boleh jadi menggalakkan atau tidak menggalakkan pengalihan kod, dengan cara perlakuannya sendiri, dengan menggunakan kedua-dua bahasa serentak. Sama ada beliau menggalakkan percampuran bahasa bukan sahaja hasil daripada keutamaan peribadinya tetapi juga apa yang digunakan oleh pegawai atasannya. Malaysia sebuah negara yang sangat sensitif terhadap kedudukan hierarki sehinggakan

pegawai bawahan akan patuh dengan peraturan yang dikenakan oleh ketuanya. Yang lebih tepat, sekiranya wacana pengalihan kod tidak disenangi oleh pihak pentadbir atasan, maka pentadbir bawahan akan mengelakkan daripada mencampur-adukkan bahasa dalam pertemuan formal pentadbiran; dengan itu kita boleh melihat perbezaan antara pertuturan satu institusi (UKM) dan pertuturan dekan di institusi lain (UUM).

Faktor Kaum

Kakitangan yang menghadiri mesyuarat rasmi juga mungkin berbeza-beza dari segi etnik. Seseengah mesyuarat jabatan mungkin dihadiri oleh rakyat Malaysia yang berasal daripada pelbagai kaum (Melayu, Cina, India), seseengah mesyuarat pula dihadiri oleh orang Melayu terutamanya. Jabatan Bahasa-bahasa Asing yang dikunjungi, dan mesyuarat mereka yang dirakamkan dan ditranskripsikan menunjukkan kecenderungan kepada pengalihan intraayat – sebenarnya percantuman bahasa – dan hal ini boleh bercanggah dengan kesimpulan yang dibuat sebelum ini. Malangnya, komposisi kaum dalam kalangan ahli dalam mesyuarat tersebut tidak saya ketahui. Jenis penggunaan bahasa yang digunakan mungkin berfungsi sebagai pertembungan bahasa kerja/perniagaan, lebih daripada kepelbagaian kaum.

Bidang

Bidang yang diminati juga nampaknya mempunyai pengaruh sama ada percampuran bahasa dibenarkan atau sebaliknya. Penulis mendapati seperti yang disebut di atas, kecenderungan yang kuat untuk beralih antara bahasa dalam kalangan ahli pendidik profesional dan juga dalam kalangan rakan ahli perniagaan. Walau bagaimanapun, pengalihan kod tidaklah wajar dalam kalangan ahli profesional bahasa dan kesusasteraan Melayu atau dalam kalangan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Malahan, permohonan saya untuk merakam mesyuarat jabatan di Jabatan Pengajian Melayu di UKM, yang pada awalnya diluluskan, tiba-tiba dibatalkan, yang menunjukkan perakaman tersebut adalah sia-sia kerana tiada pengalihan kod yang berlaku dalam mesyuarat seperti itu. Mesyuarat di Fakulti Matematik dan Sains belum sempat dirakamkan. Memandangkan banyak pencapaian terbaru dalam bidang sains yang dicapai oleh negara berbahasa Inggeris dan istilah dalam bahasa Inggeris tersebar ke seluruh dunia, kemungkinan berlaku pengalihan kod terutama dalam kalangan ahli profesional sains. Sudah tentu lebih banyak sumber seperti itu yang boleh dirakamkan dalam

usaha untuk mengenal pasti kesemua amalan pengalihan kod dalam situasi formal. Inilah yang akan menjadi objektif projek yang akan datang.

KESIMPULAN

Dapatan yang terhasil daripada projek ini menunjukkan keunikan pengalihan kod Melayu-Inggeris (atau Inggeris-Melayu). Kehadiran pelbagai gaya pengalihan membuktikan lagi bahawa kita mesti melihat pengalihan kod sebagai yang terbaik diwakili oleh satu kesinambungan yang bermula dengan penyisipan satu-satu perkataan dan berakhir dengan pilihan bahasa. Tambahan pula, didapati bahawa pengalihan kod hanya berlaku dalam keadaan formal apabila wujud beberapa keadaan, iaitu apabila mereka yang terlibat bersetuju bahawa pengalihan itu wajar, bahawa apabila berlaku penglibatan pelbagai kaum atau apabila bidang yang diceburi mendorong mereka berbahasa demikian. Kecenderungan untuk mencampuradukkan bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu tidak menampakkan sebarang risiko kepada bahasa kebangsaan, kerana banyak bukti yang boleh saya tunjukkan, bersama-sama dengan pengujaran bahasa bercampur, bukti yang cukup juga boleh ditunjukkan bahawa pertuturan ekabahasa juga menunjukkan kefasihan mereka dalam kedua-dua bahasa. Kajian yang lebih berhubung dengan bidang ini mesti dijalankan untuk menentukan sama ada apa yang ditemui dalam kelompok data yang terhad ini juga membawa kelompok data yang lebih komprehensif. Diharapkan analisis lanjut yang dikemukakan di sini dapat dijalankan pada masa yang akan datang.

RUJUKAN

- Backus, Ad., "The role of semantic specificity in Insertional Codeswitching: Evidence from Turkish" dlm. 2001 R. Jacobson (ed.) *Codeswitching Worldwide II*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Giles, Howard dan Nikolas Coupland, 1991 *Language, Contexts and Consequences*. Open University Press .
- Giles Howard dan P. Johnson. "The Role of Language in Ethnic Group Relations". Dlm.: J. C. Turner dan H., Giles, 1981 (ed.) *Intergroup Behaviour*. Oxford: Blackwell.
- Grosjean, François, *Studying the Processing of Code-switches and Borrowings*,

- Code-switching Summer School (Network on Code-Switching and Language Contact, Pavia, Italy, 9–12 September 1992)*, ESF: 121–122.
- Jacobson, Rodolfo. “Tabung Derma Cipta Dewan Grant Proposal to Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000” Kuala Lumpur: Malaysia.
- Jacobson, Rodolfo. “The Broadening Spectrum of a Malaysian Experience: From informal codemixing to appear formal codeswitching” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia (Malaysian Law Journal) 1989–90, 1997.*
- Maya K. David 1999. “Trading in an intercultural context: The case of Malaysia”. *The International Scope Review* 1.2 (<http://www.internationalscope.com/journal/volume1999/issue2/David.htm>)
- Muysken, Pieter, 1995, The Typology of Codeswitching dlm.: Fermín Sierra Martínez *et al.*; *Las Lenguas en la. Europa Comunitaria: Las lenguas de minorías, Diálogos Hispánicos* 15: 1–21.
- Myers-Scotton, Carol, 2001. “The matrix language frame model: Development and responses”. Dlm. R. Jacobson 2001(ed.) *Codeswitching Worldwide II*. Berlin/New York: Mouton de Gruyter.
- Sachdev I. dan R.Y.Bourhis, 1990. “Bi-multilinguality” dlm.: H. Giles dan W.P. Robinson (ed.) *Handbook of Social Psychology*, 293–308. New York: Wiley and Sons.